



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



Desasiswa Saujana
Saujana Residential College

Bahagian Hal Ehwal Dan Pembangunan Pelajar
Student Affairs And Development Division

No. Rujukan: USM/MPDS1819/BB/0319/06/JLD02

6 Mac 2019.

Profesor Dr. H. Akhmad Mujahidin, S.Ag., M.Ag. JI. HR. Soebrantas
Rektor Universitas Islam Negeri (UIN)
Sultan Syarif Kasim Riau,
No. 150 Km 15 Simpang Baru Panam Pekanbaru
Riau, Indonesia

Profesor,

**JEMPUTAN KE PROGRAM PERTUKARAN BUDDIES ANTARABANGSA ANJURAN MAJLIS
PENGHUNI DESASISWA SAUJANA SIDANG AKADEMIK 2018/2019**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Majlis Penghuni Desasiswa Saujana Sidang Akademik 2018/2019 (MPDS) akan mengadakan program seperti yang tersebut di atas. Program ini akan diadakan mengikut ketetapan yang berikut:

Tarikh	: 7 April – 11 April 2019
Tempat	: Universiti Sains Malaysia
Bilangan Peserta	: 10 peserta dan dua pengiring

3. Program ini diadakan bertujuan untuk menyediakan platform antarabangsa bagi pertukaran idea-idea melalui aktiviti-aktiviti pendidikan; antaranya sesi perbincangan untuk mewujudkan hubungan dua hala antara Desasiswa Saujana, USM dengan UIN SUSKA.

4. Sehubungan itu, kami ingin menjemput **Ketua Jurusan Tadris Ilmu Pengetahuan Alam (IPA)** dan **Mahasiswa Tadris IPA** serta **Ketua Jurusan Pendidikan Kimia** dan **Mahasiswa Jurusan Pendidikan Kimia**.

5. Besarlah harapan kami sekiranya para jemputan dapat hadir bagi menjayakan lagi program ini. Bersama ini disertakan tentatif program untuk rujukan Profesor. Jika terdapat sebarang persoalan, boleh menghubungi Nur Sabrina Syafiqah di talian +6013685008 atau Nur Arifah di talian +60182724527.

Perhatian dan jasa baik daripada Profesor amat kami hargai dan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MEMASTIKAN KELESTARIAN HARI ESOK"
'Keunikan Suatu Keistimewaan'

DR. NOOR HAFDA MOHD KAUS
Penggawa Desasiswa Saujana
Majlis Penghuni Desasiswa Saujana
Sidang Akademik 2018/2019